



**UCAPAN PEMBUKAAN OLEH**

**YANG MULIA  
HAJI MOHAMMAD ROSLI BIN HAJI IBRAHIM  
SETIAUSAHA TETAP  
KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA  
BRUNEI DARUSSALAM**

**DI MESYUARAT JAWATANKUASA INDUK (TEKNIKAL)  
POTENSI BELIA ISLAM MABIMS**

**PADA  
23 ZULHIJJAH 1444H/ 12 JULAI 2023M**

**BERTEMPAT  
THE RIZQUN INTERNATIONAL HOTEL**

بسم الله الرحمن الرحيم

الحمد لله رب العالمين والصلوة والسلام على أشرف الانبياء والمرسلين سيدنا محمد وعلى الله وصحبه اجمعين وبعد

**Yang Mulia**

**Haji Mohammad Albi bin Haji Ibrahim**

Ketua Bahagian Perhubungan Awam, Antarabangsa dan MABIMS

Kementerian Hal Ehwal Ugama

Negara Brunei Darussalam

Ketua Sekretariat MABIMS Brunei

**Yang Terhormat**

**Bapak Dr. Khoirul Huda Basyir**

Ketua Bagian Kerjasama Luar Negeri,

Kementerian Agama Republik Indonesia

**Yang Berusaha**

**Puan Mastura binti Mohamed Tahir**

Penolong Pengarah Kanan,

Bahagian Dakwah, JAKIM

**Yang Berusaha**

**Tuan Ibrahim Sawifi**

Penolong Pengarah,

Komunikasi Strategik, Majlis Ugama Islam Singapura (MUIS)

Para Delegasi dan Ahli Mesyuarat Sekalian,

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Izinkankan saya membuka kata dengan serangkap pantun:

Bunga dahlia jangan dibuang,

Buat tatapan puteri pangeran,

Membina belia bersemangat juang,

Sanggup berhadapan pelbagai cabaran

1. Alhamdulillah, dengan izin Allah Subhanahu Wata'ala jua, kita dapat sama-sama hadir di Mesyuarat Jawatankuasa Induk (Teknikal) Potensi Belia Islam MABIMS pada pagi ini.
2. Terlebih dahulu, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada para delegasi daripada negara-negara anggota MABIMS yang hadir ke Mesyuarat ini.
3. Dikesempatan ini juga, saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada Sekretariat MABIMS di atas perlaksanaan dan pengendalian Mesyuarat Jawatankuasa Induk (Teknikal) Potensi Belia Islam MABIMS ini.

***Rakan-rakan Negara Anggota MABIMS yang saya hormati sekalian,***

4. Menurut *World Youth Report 2023* yang dihasilkan oleh *United Nations* menyatakan bahawa pada masa ini terdapat seramai 1.2 billion atau 16 peratus daripada penduduk dunia ini adalah mereka yang berumur 16 ke 24 tahun. Mereka ini adalah ditakrifkan sebagai golongan belia dan merupakan kelompok yang signifikan dalam pembangunan dan perkembangan sesebuah masyarakat.
5. Setentunya, belia merupakan aset yang akan menentukan hala-tuju pembangunan dan corak kepimpinan negara pada masa akan datang. Seharusnya dalam konteks MABIMS, perlunya usaha-usaha untuk melengkapkan para belia Islam dari pelbagai aspek baik dari segi keugamaan, politik, ekonomi, sosial, budaya mahupun pendidikan.
6. Platform MABIMS sesuai dijadikan wadah bagi para belia Islam untuk memenuhi potensi mereka supaya lebih holistik, dinamik dan berdaya-tahan. Mereka yang mampu menghadapi cabaran-cabaran di masa hadapan berbekalkan ilmu pengetahuan dan syakhsiah yang mantap.

**Rakan-rakan Negara Anggota MABIMS dan para delegasi sekalian,**

7. Seperti yang kita maklumi bersama, satu Fokus Strategik yang diamanahkan kepada Negara Brunei Darussalam dalam Rancangan Strategik MABIMS 2021-2025 ialah Potensi Belia Islam MABIMS. Fokus Strategik ini mempunyai dua *Key Performance Indicator* atau KPI yang perlu dicapai iaitu Membentuk Kerangka Program Potensi Belia MABIMS dan Pertemuan Khas Serantau dan Antarabangsa Belia MABIMS dalam setahun.

8. Pada pertemuan kali ini, kita akan berpeluang untuk membincangkan bersama perkembangannya terutama melihat akan *Key Performance Indicator* atau KPI yang pertama iaitu Pembentukan Kerangka Program Potensi Belia MABIMS. Alhamdulillah, dalam hubungan itu Negara Brunei Darussalam melalui Sekretariat MABIMS telah menghasilkan satu draf kerangka Potensi Belia Islam MABIMS; hasil kesepakatan dan keterlibatan pihak-pihak yang berakauntabiliti dan relevan seperti Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan, Brunei Darussalam, Majlis Belia Brunei dan lain-lain lagi. Tidak lupa juga Sekretariat-Sekretariat Negara Anggota MABIMS banyak membantu dalam penghasilannya.

9. Mesyuarat ini nanti diharapkan untuk mendapatkan persetujuan bagi Kerangka ini disahkan untuk dilaksanakan dan seterusnya agar ianya dapat menjadi garis panduan dan rujukan untuk apa jua pelaksanaan program-program di bawah Fokus Strategik Potensi Belia MABIMS nanti.

**Tuan-Tuan dan Puan-Puan sekalian,**

10. Akhirnya, saya berharap kita akan dapat menghasilkan perbincangan yang memberi banyak manfaat menerusi mesyuarat pada kali ini. Semoga apa jua yang akan dibincangkan dalam pertemuan ini akan mencapai matlamat yang diharapkan iaitu untuk menghasilkan satu Kerangka yang berkualiti dan mempunyai nilai-tambah kepada program-program MABIMS yang sedia ada.

Sebagai penutup, saya hidangkan dengan serangkap pantun

Jalan-Jalan Ke Bandar Seri Begawan  
Pemandangan Indah Ingin Dilihat  
Mesyuarat Potensi Belia Islam sudah dimulakan  
Semoga kita sentiasa muafakat

Sekian.

وَبِاللّٰهِ التَّوْفِيقُ وَالهُدَايَا وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللّٰهِ وَبَرَكَاتُهُ

-MUKASURAT SELESAI-